

Misi Penyebaran Agama Kristian terhadap Komuniti Islam pada Era Penjajahan Portugis di Melaka, 1511–1641
(Christian Religious Mission towards the Muslim Community during the Portuguese Colonial Era in Malacca, 1511–1641)

Tew Yen Hong,* Arba'iyah Mohd Noor** & Siti Nor Aisyah Ngadiran***

Abstrak

Secara umumnya, sebelum kedatangan Portugis ke Melaka, masyarakat Melayu di Melaka majoritinya beragama Islam. Ini kerana agama Islam telah lama bertapak di Melaka dan beberapa wilayah Alam Melayu. Selepas Portugis menakluki Melaka pada tahun 1511, mereka telah menjalankan pelbagai usaha untuk menyebarkan ajaran Kristian dalam kalangan masyarakat tempatan. Artikel ini bertujuan untuk memberikan perspektif sejarah yang lebih menyeluruh mengenai penaklukan Portugis di Melaka, dengan tumpuan khusus kepada usaha, cabaran dan kesan penyebaran agama Kristian kepada penduduk tempatan. Penyelidikan ini merupakan kajian sejarah berbentuk kualitatif, dengan penekanan kepada analisis terhadap sumber primer seperti catatan Portugis, serta sumber sekunder seperti artikel jurnal dan buku-buku. Bahan kajian juga diperoleh daripada arkib, perpustakaan institusi pengajian tinggi awam serta pangkalan data jurnal dalam talian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa walaupun penyebaran agama Kristian semasa era Portugis di Melaka menghadapi cabaran, usaha ini tetap dilakukan untuk mempengaruhi masyarakat Islam. Namun, penerimaan agama Kristian dalam kalangan masyarakat tempatan amat terhad disebabkan oleh keimanan mereka yang kuat terhadap agama Islam.

Kata kunci: Penjajahan Portugis, Melaka, Pengkristianan, Francis Xavier, cabaran Islam

Abstract

Generally, before the arrival of the Portuguese in Malacca, the Malay community was predominantly Muslim. This is because Islam had long been established in Malacca and several Malay regions. After the Portuguese conquered Malacca in 1511, they made various efforts to spread Christianity among the local population. This article aims to provide a more comprehensive historical perspective on the Portuguese conquest of Malacca, with a specific focus on the efforts, challenges, and impact of spreading Christianity among local inhabitants. This research is a qualitative historical study, emphasizing analysis of primary sources such as Portuguese records, as well as secondary sources such as journal articles and books. The research materials were also obtained from the archives, public higher education institution libraries, and online journal databases. The finding shows that although the spread of Christianity during the Portuguese era in Malacca faced challenges, efforts were still made to influence the Muslim community. However, the acceptance of Christianity among Muslims remained limited due to their strong faith in Islam.

Keywords: Portuguese colonization, Malacca, Christianization, Francis Xavier, challenges of Islam

Pengenalan

Kesultanan Melayu Melaka merupakan sebuah empayar terkenal pada abad ke-15 dan menjadi tumpuan para pedagang serta ulama Islam sehingga terkenal sebagai pusat penyebaran Islam di Alam Melayu.¹ Proses penyebaran Islam berlaku melalui perkahwinan, perluasan kuasa politik, perdagangan, pendidikan serta gerakan dakwah Islamiyah. Kedudukan Islam semakin kukuh setelah *Hukum Kanun Melaka* dan *Undang-undang Laut* yang berasaskan undang-undang Islam diperkenal dan dikuatkuasakan di seluruh Melaka. Kewibawaan dan kebijaksanaan pemimpin, peranan para pembesar,

* Tew Yen Hong, History Department, Faculty of Arts and Social Sciences, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia. Email: zhao0729@outlook.com.

** Arba'iyah Mohd Noor (corresponding author) (PhD), Associate Professor, History Department, Faculty of Arts and Social Sciences, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia. Email: arbaiyah@um.edu.my.

*** Siti Nor Aisyah Ngadiran (PhD), Senior Lecturer, History Department, Faculty of Arts and Social Sciences, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia. Email: aisyahngadiran@um.edu.my.

¹ Arba'iyah Mohd Noor, "Perkembangan Awal Pendidikan Masyarakat pada Zaman Kesultanan Melayu Melaka." *Jurnal Sejarah Melaka* 1(2022/23): 99.

kedudukan strategik dan sistem perdagangan yang teratur menjadikan Melaka sebuah kerajaan yang gemilang sebelum kedatangan Portugis ke Melaka.

Penjajahan Portugis di Melaka dari tahun 1511 hingga 1641 merupakan satu episod penting dalam sejarah yang membawa perubahan mendalam terhadap landskap agama di rantau ini. Tempoh 130 tahun ini menyaksikan usaha sistematik untuk memperkenalkan dan mengukuhkan agama Kristian di sebuah wilayah yang sebelum ini didominasi oleh Islam dan kepercayaan tradisional tempatan. Penaklukan ini juga bukan sekadar satu peristiwa politik-ketenteraan, tetapi juga menandakan permulaan satu misi keagamaan yang bercita-cita tinggi. Alfonso de Albuquerque, tokoh utama dalam usaha penaklukan ini, dengan jelas menyatakan hasratnya untuk “memadamkan api ajaran Muhammad” di rantau ini.² Kenyataan ini mencerminkan semangat Perang Salib yang masih mempengaruhi pemikiran penjajah Portugis, menjadikan penyebaran agama Kristian sebagai salah satu motif utama penjajahan mereka di Melaka.

Artikel ini memfokuskan kepada misi Kristianisasi di Melaka semasa era penjajahan Portugis, dengan memberi tumpuan khusus kepada usaha, cabaran, dan kesan jangka panjang usaha pengkristianan ini. Artikel ini meneliti pelbagai usaha yang dilakukan dalam misi Kristianisasi di Melaka seperti tindakan keras Portugis terhadap masyarakat Islam, pembinaan gereja, tempat pertapaan, galakan perkahwinan campur, peranan St. Francis Xavier, aktiviti pengkristianan dan mempergiat pendidikan Kristian seperti Kolej St. Paul dengan peranan tokoh-tokoh penting seperti Francisco Peres dan Roque de Oliveira.

Walau bagaimanapun, usaha Kristianisasi ini berhadapan dengan pelbagai cabaran. Hal ini dikatakan demikian kerana penduduk tempatan yang majoritinya beragama Islam menganggap Portugis sebagai musuh mereka. Selain itu, tingkah laku pegawai-pegawai Portugis yang sering bertentangan dengan nilai-nilai Kristian telah meninggalkan kesan negatif iaitu menjejaskan usaha penyebaran agama Kristian tersebut.

Kajian Literatur

Sehingga kini, kebanyakan penyelidikan telah memberi tumpuan kepada pelbagai aspek penjajahan Portugis di Melaka, termasuk faktor-faktor yang mendorong penjajahan Portugis terhadap Melaka, kronologi penaklukan, serangan Sultan Mahmud, serta Perang Tiga Segi yang berlangsung selama satu abad antara Portugis, Aceh dan Johor. Walau bagaimanapun, terdapat jurang yang ketara dalam penulisan terutama tentang gerakan Kristianisasi oleh pihak Portugis sepanjang 130 tahun penguasaan mereka ke atas Melaka.

Kajian mendalam mengenai keunikan sistem pentadbiran Portugis di Melaka serta cabaran-cabaran yang mereka hadapi dalam pentadbiran wilayah ini merupakan satu usaha yang penting dan wajar dilaksanakan. Hal ini disebabkan ketiadaan kajian komprehensif yang meneliti struktur pentadbiran Portugis secara menyeluruh, termasuk pelaksanaan dasar serta impak sosial dan ekonomi terhadap masyarakat setempat. Begitu juga dengan kajian secara khusus mengenai penyebaran agama Kristian dalam kalangan masyarakat Islam di Melaka. Oleh yang demikian, bagi kajian literatur ini, huraian akan dibuat berpandukan kepada tema-tema tertentu.

Tema pertama iaitu mengenai sejarah Melaka di bawah kuasa Kesultanan Melayu dan hubungannya dengan Portugis dapat dilihat melalui buku Buyong bin Adil (1973) dalam *Sejarah Melaka dalam Zaman Kerajaan Melayu*. Buku ini memaparkan tentang Zaman Kesultanan Melayu Melaka sehingga tahun 1528.³ Walaupun kajian ini menyentuh tentang penaklukan Portugis, ia lebih berfokus kepada naratif perjuangan Sultan Mahmud untuk merebut kembali Melaka dan tidak memperincikan aspek pentadbiran Portugis sepanjang pemerintahan mereka. Yahaya bin Abu Bakar (1986) pula dalam artikel bertajuk “Catatan Mengenai Hubungan Awal Portugis-Melaka”⁴ dan risalah bertajuk “Sumber-sumber Portugis mengenai Melaka T. M. 1511-1641”⁵ menggunakan banyak sumber untuk menunjukkan tentang hubungan antara kedua-dua buah kerajaan dan cabaran yang dihadapi oleh Portugis semasa mentadbir Melaka, termasuk penyalahgunaan kuasa dan rasuah dalam kalangan pegawai tinggi

² Walter de Gray Birch, *The Commentaries of the Great Afonso Dalboquerque*, Vol. 3 (Cambridge University Press, 2010), 116.

³ Buyong Adil, *Sejarah Melaka dalam Zaman Kerajaan Melayu* (Dewan Bahasa dan Pustaka, 1973).

⁴ Yahaya Abu Bakar, “Catatan Mengenai Hubungan Awal Portugis-Melaka,” *Jebat* 10 (1980): 226-233.

⁵ Yahaya Abu Bakar, “Sumber-sumber Portugis mengenai Melaka T.M. 1511-1641,” *Minggu Kesenian Melaka* (1986).

Portugis. Artikel dan risalah ini juga menganalisis kelemahan dalam pengurusan Portugis. Namun, strategi Kristianisasi sebagai langkah penting pengukuhan kuasa Portugis tidak dibincangkan.

Bagi tema kedua pula iaitu kajian sejarah mengenai kedatangan dan penaklukan Portugis ke atas Melaka dapat dilihat melalui karya-karya Reverend Father Manuel Joaquim Pintado, yang berasal dari Portugal dan merupakan seorang paderi di Gereja St. Peter, Melaka dari tahun 1948 hingga 1988. Beliau yang kemudiannya berminat dengan sejarah Portugis di Melaka telah banyak menterjemahkan dokumen-dokumen Portugis di Melaka dan menulis mengenainya. Antara karya beliau yang membincangkan perkara ini ialah *A Stroll Through Ancient Malacca and A Glimpse At Her Historical Sites* (revised by D. P. Pereira) (1978).⁶ Namun buku ini adalah sejarah yang bersifat umum dan merupakan panduan ringkas yang membawa pembaca menelusuri sejarah dan warisan bandar Melaka.

Kajian Abdul Talib bin Haji Ahmad (n.d) dalam bukunya *Sejarah Penjajah Portugis di Tanah Melayu (1511-1641)* memfokuskan tema pendudukan Melaka oleh Portugis.⁷ Meskipun beliau menyentuh tentang penyebaran agama Kristian oleh Portugis, kajiannya tidak memberikan penjelasan terperinci mengenai faktor perkembangan agama Kristian dan cabarannya. Fokus utama kajian ini adalah perjuangan Sultan Mahmud, Perang Tiga Segi, serta hubungan ketenteraan, namun tidak membincangkan misi keagamaan Portugis secara spesifik.

Seterusnya, buku Abdul Aziz bin Zakaria (1963), *Portugis Dalam Sejarah Melaka*⁸ mengkaji tentang proses penaklukan Melaka oleh Portugis dan bagaimana polisi Portugis di Melaka membawa kepada kemerosotan ekonomi. Begitu juga dengan tesis Daya Negri Wijaya (2022)⁹ yang bertajuk “Malacca Beyond European Colonialism (15th – 17th Centuries)” hanya membincangkan tentang aspek ekonomi serta perdagangan Portugis dan Belanda sebagai asas penjajahan kedua-dua kuasa besar tersebut. Namun, kedua-dua kajian ini lebih berfokus kepada aspek ketenteraan dan ekonomi tanpa memberi perhatian kepada organisasi pentadbiran secara sistematik.

Tema ketiga pula menumpukan kepada sejarah pentadbiran Portugis di Melaka. Melalui artikel jurnal yang ditulis oleh D. R. Sar Desai (1969) bertajuk ‘The Portuguese Administration in Malacca, 1511-1641’¹⁰ telah memberikan penelitian terhadap aspek pengurusan Portugis di Melaka dan membincangkan kelemahan-kelemahan yang wujud dalam sistem pentadbiran mereka. Meskipun kajian ini lebih sistematik berbanding kajian terdahulu, ia tidak meneliti secara mendalam peranan penyebaran agama Kristian dalam struktur pentadbiran Portugis di Melaka. Maklumat sebegini adalah penting untuk memahami hierarki pentadbiran Portugis di Melaka. Selain itu, kajian ini tidak menghubungkan bahawa bagaimana penyalahgunaan kuasa dalam pentadbiran Portugis mempengaruhi keberkesanan misi Kristianisasi, yang merupakan aspek penting dalam memahami kegagalan usaha penyebaran Kristian dalam jangka panjang. Begitu juga dengan buku *The Portuguese and the Strait of Malacca*¹¹ oleh Paulo Jorge de Sousa Pinto (2012) banyak menyumbang maklumat mengenai pentadbiran Portugis di Melaka selepas tahun 1580.

Seterusnya, tema keempat iaitu gerakan Kristianisasi dalam masyarakat Islam di Tanah Melayu dapat dilihat melalui tiga artikel Siti Nor Aisyah Ngadiran (2020, 2023, dan 2024) bertajuk “Metode Dakwah Kristian di Pulau Pinang pada Abad ke-19: Kajian terhadap Karya-karya Terpilih Thomas Beighton (1790 – 1844)”,¹² “Analisa Perumusan Konsep Ketuhanan Menurut Perspektif Thomas Beighton (1790-1844) dalam Karya *Inilah Kunci Pengempar* (1841)”¹³ dan “Pendekatan Thomas Beighton (1790-1844) dalam Penyebaran Agama Kristian di Pulau Pinang dan Kedah (1819-1844)”.¹⁴ Ketiga-tiga artikel memberi gambaran betapa para pendakwah tersebut bersungguh-sungguh melakukan dakwah mereka

⁶ Manuel Joaquim Pintado, *A Stroll Through Ancient Malacca and A Glimpse At Her Historical Sites* (Loh Print Press, 1980).

⁷ Abdul Talib bin Haji Ahmad, *Sejarah Penjajah Portugis di Tanah Melayu (1511-1641)* (Sharikat Perniagaan Ra'ayat Berhad, n.d).

⁸ Abdul Azizi bin Zakaria, *Portugis Dalam Sejarah Melaka* (Dewan Bahasa dan Pustaka, 1963).

⁹ Daya Negri Wijaya, “Malacca Beyond European Colonialism (15th – 17th Centuries),” Disertasi PhD, Faculdade de Letras da Universidade do Porto, Portugal, 2022.

¹⁰ D. R. Sar Desai, “The Portuguese Administration in Malacca, 1511-1641,” *Journal of Southeast Asian History* 10, no. 3 (1969): 501-512.

¹¹ Paulo Jorge de Sousa Pinto, *The Portuguese and the Straits of Melaka, 1575-1619: Power, Trade and Diplomacy* (NUS Press, 2012).

¹² Siti Nor Aisyah Ngadiran dan Tatiana A. Denisova, “Metode Dakwah Kristian di Pulau Pinang pada Abad ke-19: Kajian terhadap Karya-karya Terpilih Thomas Beighton (1790-1844),” *Jurnal Akidah dan Pemikiran Islam (AFKAR)* 22, no. 2 (2020): 43-76.

¹³ Siti Nor Aisyah Ngadiran dan Tatiana A. Denisova, “Analisa Perumusan Konsep Ketuhanan Menurut Perspektif Thomas Beighton (1790-1844) dalam Karya *Inilah Kunci Pengempar* (1841),” *Jurnal Akidah dan Pemikiran Islam (AFKAR)* 25, no. 2 (2023): 291-322.

¹⁴ Siti Nor Aisyah Ngadiran dan Tatiana A. Denisova, “Pendekatan Thomas Beighton (1790-1844) dalam Penyebaran Agama Kristian di Pulau Pinang dan Kedah (1819-1844),” *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies* 51, no. 1 (2024): 1-20.

terutamanya menguasai bahasa Melayu dan gaya penulisan masyarakat tempatan serta menjalin hubungan yang baik dengan pemerintah. Walaupun semua artikel ini hanya menumpukan gerakan Kristianisasi di Pulau Pinang dan Kedah dengan memfokuskan kepada sosok pendakwah Kristian British iaitu Thomas Beighton, namun ia bermanfaat dalam melihat persamaan atau kesinambungan gerakan Kristianisasi ke atas masyarakat Islam pada era Portugis.

Akhir sekali, penulisan oleh Pintado yang merupakan antara pengkaji terawal yang banyak menumpukan mengenai perkara tersebut. Antara karya beliau termasuklah *Portugal's Christian Policy in Its Drive to the East and the Case of Malacca* (1957),¹⁵ *The Voice of the Ruins* (1988),¹⁶ *Francis Xavier: A Martyr after Death: A Medico-Historical Study on the Corpse of St. Francis Xavier* (1989),¹⁷ dan lain-lain. Kajiannya mengenai perkembangan agama Kristian banyak menumpukan kepada peranan St. Francis Xavier, iaitu seorang perintis bagi perkembangan aliran Katolik di Asia termasuk Melaka. Manakala kajian beliau mengenai polisi Kristian di Melaka pula hanya membincangkan secara ringkas tentang etika dan dogma yang diamalkan dalam kalangan pendakwah Katolik di negeri itu. Begitu juga dengan kajian Manuel Teixeira (1961) bertajuk *The Portuguese Missions in Malacca and Singapore (1511-1958)*.¹⁸ Kajian yang menumpukan kepada perkembangan Kristian di Melaka dan Singapura didapati tidak menyentuh secara mendalam terhadap interaksi antara para pendakwah Kristian dengan orang Melayu di Melaka. Seterusnya, buku yang dihasilkan oleh Laurence A. Noonan bertajuk *The First Jesuit Mission in Malacca: A Study of the Use of the Portuguese Trading Centre as a Base for Christian Missionary Expansion during the Years 1545 to 1552*¹⁹ pula mengkaji secara khusus perkembangan agama Kristian tersebut dalam tempoh tertentu sahaja bermula dari tahun 1545, iaitu beberapa dekad selepas penaklukan Melaka oleh Portugis. Walau bagaimanapun, kajian ini juga penting bagi penambahan maklumat bagi artikel ini.

Secara umumnya, walaupun terdapat pelbagai kajian mengenai era pemerintahan Portugis di Melaka, jurang dalam pemahaman mengenai strategi penyebaran agama Kristian dalam konteks pentadbiran Portugis masih wujud. Sebahagian besar kajian terdahulu lebih berfokus pada aspek pentadbiran, ketenteraan dan hubungan diplomatik, sementara aspek peranan Kristianisasi sebagai alat politik dan strategi penjajahan Portugis kurang mendapat perhatian. Melalui penelitian mendalam terhadap sumber-sumber primer dan sekunder, kajian ini berusaha untuk memberikan perspektif baharu dan pemahaman yang lebih komprehensif mengenai peranan Kristianisasi dalam sistem pentadbiran Portugis di Melaka serta kesannya terhadap komuniti Islam tempatan, yang belum diterokai sepenuhnya oleh para pengkaji terdahulu.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang melibatkan analisis terhadap pelbagai sumber, termasuk sumber primer dan sekunder. Memandangkan fokus kajian adalah era penjajahan Portugis, sumber primer utama terdiri daripada dokumen Portugis (dalam bahasa Portugis) yang telah diterjemahkan ke bahasa Inggeris.

Beberapa sumber penting yang digunakan dalam kajian ini termasuk dokumen Portugis yang telah diterjemah oleh Pintado mengenai sejarah Portugis di Melaka iaitu *Some Portuguese Historical Sources on Malacca History* (1978) dan *Portuguese Documents on Malacca: From 1509 to 1511* (1993). Selain itu, rujukan bertajuk *Albuquerque: Caesar of the East* oleh T. F. Earle dan John Villiers, serta *The Commentaries of the Great Afonso Dalboquerque* yang diterjemahkan oleh Walter de Gray Birch adalah surat menyurat Portugis turut digunakan. Kedua-dua sumber ini penting untuk melihat tujuan asal misi penyebaran agama Kristian oleh Portugis semasa penaklukan Melaka, serta pembinaan gereja pada peringkat awal. Untuk mengkaji perkembangan agama Kristian di Melaka selepas penaklukan Portugis pada abad ke-16 dan ke-17, rujukan seperti *The Suma Oriental* oleh Tome Pires dan *Eredia's*

¹⁵ Manuel Joaquim Pintado, *Portugal's Christian Policy in Its Drive to the East and the Case of Malacca*, (Teks syarahan Pintado kepada penuntut University of Malayan Historical Society, and the Public of Malacca di bawah naungan Malacca Historical Society), Melaka, 7 Februari 1957.

¹⁶ Manuel Joaquim Pintado, *The Voice of the Ruins* (Instituto Cultural de Macau, 1988).

¹⁷ Manuel Joaquim Pintado, *Francis Xavier: A Martyr after Death: A Medico-Historical Study on the Corpse of St. Francis Xavier* (University of Michigan, 1980).

¹⁸ Manuel Teixeira, *The Portuguese Missions in Malacca and Singapore (1511-1958)* (Agencia Geral do Ultramar, 1961).

¹⁹ Laurence A. Noonan, *The First Jesuit Mission in Malacca: A Study of the Use of the Portuguese Trading Centre as a Base for Christian Missionary Expansion during the Years 1545 to 1552* (Centro de Estudos Históricos Ultramarinos, 1974).

Misi Penyebaran Agama Kristian terhadap Komuniti Islam pada Era Penjajahan Portugis di Melaka
Description of Malacca oleh Manoel Godinho de Eredia terjemahan J. V. Mills amat membantu. Semua penulisan ini dihasilkan oleh mereka ketika keberadaan mereka di Melaka pada abad ke-16.

Akhir sekali, untuk mendapatkan perspektif mengenai perkembangan agama Kristian di Melaka semasa penjajahan Portugis, termasuk pembinaan gereja dan keistimewaan setiap gereja, tulisan bertajuk *The Siege and Capture of Malacca from the Portuguese in 1640-1641* dari Arkib Syarikat Hindia Timur Belanda yang ditulis oleh P. A. Leupe dan diterjemahkan oleh Mac Hacobian menjadi antara rujukan penting selain *The Life and Letter of St. Francis Xavier* yang ditulis oleh Henry James Coleridge untuk memahami peranan Francis Xavier dalam perkembangan Kristian di Melaka.

Kajian ini turut menggunakan sumber sekunder yang merangkumi buku dan jurnal yang berkaitan dengan pengurusan Portugis di Melaka serta penyebaran agama Kristian oleh Portugis. Buku *The Portuguese and the Strait of Malacca* oleh Paulo Jorge de Sousa Pinto digunakan untuk menganalisis keadaan di Melaka selepas tahun 1580. *Catholicism in the East* oleh R. Cardon pula digunakan untuk mengkaji dasar penyebaran agama Kristian oleh Portugis ke Timur sejak tahun 1511, termasuk sejarah pembinaan gereja di Melaka. Selain itu, buku *Teknologi Kesultanan Melaka* oleh Hasanuddin Yusof digunakan untuk menyelidik tindakan penghapusan Islam yang dilakukan oleh Portugis selepas menakluk Melaka.

Dalam kajian ini, beberapa buah artikel jurnal ditulis oleh sarjana turut dirujuk seperti *Notes on the Portuguese in Malaya* yang dituliskan oleh Ian A. Macgregor, *The Portuguese Administration in Malacca, 1511-1641* yang dituliskan oleh D. R. Sar Desai, *Portuguese Malacca* yang ditulis oleh R. Cardon dan *The Old Church on The Malacca Hill* yang dituliskan oleh R. Cardon dan L. Elkins. Artikel-artikel jurnal tersebut digunakan untuk mengkaji penyebaran agama Kristian oleh Portugis di Melaka dan kesannya. Beberapa sumber dalam talian digunakan untuk memahami beberapa istilah agama Katolik.

Dengan menggunakan pelbagai sumber utama termasuk catatan diari dan surat pegawai Portugis sezaman seperti tulisan Tome Pires, Manoel Godinho de Eredia dan Francis Xavier, kajian ini diharapkan dapat memberi gambaran yang jelas tentang perkembangan agama Kristian di Melaka semasa penjajahan Portugis selama 130 tahun. Kajian ini bukan sahaja membantu memahami sejarah penjajahan Portugis di Malaysia, tetapi juga memberi perspektif tentang penyebaran agama Kristian dan interaksi budaya di Asia Tenggara pada abad ke-16.

Misi Pengkristianan dalam Peluasan Kuasa Portugis

Agama memainkan peranan yang amat penting dalam peluasan kuasa Portugis. Seperti yang dinyatakan oleh Macgregor, pada setiap hari Sabtu, misa diadakan di semua gereja yang berada dalam wilayah Portugis di India. Misa merupakan upacara dalam agama Katolik, istilah "Misa" berasal dari bahasa Latin "Missa" yang bermaksud diutus, berasal dari rumus penutup Perayaan Ekaristi, "Ite, Missa Est!" yang bermaksud pergilah, kalian diutus.²⁰ Misa ini bertujuan untuk mendoakan roh Putera Henry, yang dikenali sebagai "*the Navigator*". Putera Henry bukan sahaja dikenali sebagai pengasas ekspedisi maritim Portugis, tetapi juga merupakan Gabenor *Order of Christ*. Beliau memainkan peranan penting dalam memulakan ekspansi Portugis ke Afrika Barat dan seterusnya ke timur.²¹ Fakta ini menjelaskan motivasi keagamaan di sebalik penjelajahan Portugis di timur. Di mana sahaja penjelajahan orang Portugis, paderi-paderi mereka akan turut ikut serta.

Situasi yang sama berlaku di Melaka, ketibaan paderi-paderi Katolik pertama di Melaka berlaku seiring dengan misi penaklukan yang diketuai oleh Alfonso de Albuquerque. Mereka hadir sebagai pastor tentera dalam angkatan ekspedisi tersebut. Kumpulan paderi ini terdiri daripada lapan orang, dengan majoriti mereka merupakan biarawan Fransiskan.²² Antara paderi-paderi yang disebut secara khusus dalam rekod sejarah ialah Domingos de Sousa, seorang biarawan Dominikan yang berperanan sebagai Paderi Pengakuan Armada. Selain itu, Alvaro Merguhao yang merupakan seorang paderi sekular yang

²⁰ Versatile Holiday Lado, "Apa Itu Misa dan Perbedaannya dengan Ibadat dalam Agama Katolik?," *Tirtold*, diakses pada 21 Julai 2024, <https://tirtoid.id/apa-itu-misa-dan-perbedaannya-dengan-ibadat-dalam-agama-katolik-gnvS>.

²¹ Ian A. Macgregor, "Notes on the Portuguese in Malaya," *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* 28, no. 2 (1955): 39.

²² Amirul Hadi, *Respons Islam terhadap Hegemoni Barat* (Balai Kajian Sejarah dan Nilai Tradisional Banda Aceh, 2006), 62-63.

bertindak sebagai Pastor Peribadi kepada Gabenor. Kehadiran paderi-paderi ini mencerminkan strategi penjajahan Portugis yang menggabungkan kuasa ketenteraan dengan misi keagamaan.²³

Hubungan di antara agama Kristian dan Islam pada zaman tersebut dipengaruhi kuat oleh semangat Perang Salib, yang mencetuskan persaingan dan permusuhan. Tome Pires, seorang penulis dan pengembara Portugis, telah merakamkan pandangan ini dengan tepat. Menurut beliau, pengikut Nabi Muhammad tidak akan menjalin persahabatan dengan orang Portugis, malah tidak akan setia kepada mereka.

*Malacca is surrounded by Mohammedans who cannot be friends with us unless Malacca is strong, and the Moors will not be faithful to us except by force, because they are always on the look-out, and when they see any part exposed they shoot at it. And since it is known how profitable Malacca is in temporal affairs, how much the more is it in spiritual [affairs], as Mohammed is cornered and cannot go farther, and flees as much as he can. And let people favour one side, while merchandise favours our faith; and the truth is that Mohammed will be destroyed, and destroyed he cannot help but be.*²⁴

Menurut Tome Pires, Melaka dikelilingi oleh orang Islam yang tidak akan bersahabat dengan Portugis kecuali Melaka berada dalam keadaan yang kuat. Beliau juga menegaskan bahawa orang Moor (Muslim) hanya akan setia kepada Portugis melalui kekerasan, kerana mereka sentiasa mencari peluang untuk menyerang. Dalam pandangannya, perdagangan yang berkembang di Melaka akan membantu menyebarkan agama Kristian, dan akhirnya Islam akan mengalami kemusnahan. Pandangan ini bukan sahaja mencerminkan ketegangan agama dan ketidakpercayaan antara kedua-dua pihak, malah anggapan bahawa orang Islam tidak boleh dipercayai mungkin telah digunakan untuk mewajarkan dasar-dasar yang lebih keras terhadap penduduk tempatan. Konflik di antara Islam dan Kristian telah bermula jauh sebelum kejatuhan Melaka. Peristiwa bersejarah yang mencetuskan permusuhan ini boleh dikesan kembali sekitar tahun 1492, apabila kerajaan Islam di Andalusia jatuh di tangan Raja Ferdinand dan Ratu Isabella. Kejatuhan ini mencetuskan satu tempoh yang amat mencabar bagi umat Islam di Semenanjung Iberia. Di Portugal, keadaan menjadi lebih tegang semasa pemerintahan Raja Dom Manuel I (1469-1521). Baginda menjalankan dasar yang dikenali sebagai “*inquisition*”, satu usaha sistematik untuk menghapuskan pengaruh Islam di negara tersebut. Di bawah Inkuisisi Portugal, umat Islam dipaksa untuk meninggalkan agama mereka dan memeluk agama Kristian. Mereka yang menolak akan berhadapan dengan hukuman yang kejam, termasuk penyeksaan dan hukuman mati. Harta benda mereka dirampas, rumah-rumah dimusnahkan, dan keluarga mereka turut menjadi mangsa keganasan ini.²⁵

Pada masa yang sama mereka cemburu dengan kehebatan pedagang Islam dalam mengendalikan perdagangan mereka di pelbagai tempat. Pedagang Islam dilihat berkuasa, kaya dan berpengaruh menyebabkan mereka berhasrat untuk menghapuskan orang Islam di India. Selain itu, Alfonso de Albuquerque turut menyatakan bahawa Raja Portugal telah memerintahkannya untuk menghalang pedagang Islam di Kaherah, Makkah dan Jeddah daripada meneruskan kegiatan perdagangan mereka.²⁶ Dalam arahan Raja Manuel I dari Portugal kepada Lopes de Sequeira pada tahun 12 Februari 1508, Sequeira diperintah untuk meninjau kecenderungan peribumi terhadap agama Katolik. Sequeira diarah untuk menggalakkan penganut Kristian tempatan untuk berpegang teguh dalam keimanan mereka. Selain itu, Raja juga meminta Sequeira untuk menunjukkan keprihatinan dan sokongan Portugal terhadap penganut Kristian, dengan tujuan memperkukuhkan pengaruh Portugal di kawasan tersebut.²⁷ Ini membuktikan bahawa sejak awal lagi, kerajaan Portugis sudah merancang untuk menyebarkan agama Katolik di Melaka.²⁸ Sikap dan tindakan orang Portugis apabila mereka tiba di Melaka merupakan kesinambungan konflik agama yang telah berlangsung selama berabad-abad di Eropah selain bertindak mengekang penyebaran agama Islam dan perdagangan yang dikuasai oleh para pedagang Islam.

²³ R. Cardon, *Catholicism in the East* (National University of Singapore, 1937), 1.

²⁴ Tome Pires, *The Suma Oriental of Tome Pires: An Account of the East, from the Red Sea to China, Written in Malacca and India in 1512-1515*, Vol. 2, (Asian Education Service, 1990), 286.

²⁵ Hasanuddin Yusof, *Teknologi Kesultanan Melaka* (Negeri Sembilan: Penerbit Alami Sdn Bhd, 2017), 308.

²⁶ T. F. Earle dan John Villiers (penterjemah), *Albuquerque: Caesar Timur, Teks-teks Pilihan daripada Afonso de Albuquerque dan Anaknya* (Penerbit Universiti Malaya, 1995), 118-120.

²⁷ M. J. Pintado (pengumpul, penterjemah dan penganotasi), *Portuguese Documents on Malacca*, Vol. 1 (Arkib Negara Malaysia, 1993), 15.

²⁸ Yahaya Abu Bakar, “Catatan mengenai hubungan awal Portugal-Melaka,” 230.

Penaklukan Portugis ke atas Melaka

Pada zaman kegemilangan, Melaka digambarkan sebagai sebuah pelabuhan perdagangan terbesar yang kaya dengan pelbagai barangan dan masyhur di serata dunia.²⁹ Ini dapat dibuktikan melalui keterangan Diogo Lopes de Sequeira yang melawat Melaka pada 11 September 1509 seperti berikut: “*Malacca was known as the richest town in the world because the traders who lived there were very wealthy. Their wealth was assessed in bahars of gold-one bahar was equivalent to four quintaes. Some of the traders were worth ten or twelve bahars.*”³⁰

Petikan di atas menggambarkan kekayaan luar biasa yang dimiliki oleh para pedagang di Melaka pada zaman kegemilangannya. Pedagang yang menetap di Melaka memiliki kekayaan yang besar. Kekayaan mereka diukur dalam unit bahar emas, di mana satu bahar bersamaan dengan empat quintaes, iaitu mata wang Portugis yang digunakan pada abad ke-16 dan ke-17. Beberapa pedagang di Melaka dilaporkan memiliki kekayaan sebanyak sepuluh hingga dua belas bahar emas, menunjukkan betapa makmurnya ekonomi perdagangan di kota pelabuhan ini.

Peringkat awal kedatangan Portugis ke Melaka adalah dengan misi perdagangan. Pada mulanya Sultan Melaka menyambut kedatangan orang Portugis dengan baik serta memberikan kebenaran kepada mereka untuk berlabuh dan menjalankan perdagangan. Rui de Araujo tinggal di Melaka dan berdagang dengan masyarakat tempatan. Perjanjian dicapai di antara Sultan Mahmud Shah (1481-1511) dengan Diogo Lopes de Sequeira bagi menjalankan perdagangan secara damai.³¹ Namun, perjanjian tersebut tidak lama kerana pedagang Gujerat memberitahu Sultan Mahmud tentang niat tersirat Portugis dan kehadiran mereka boleh mengundang kepada bahaya sepertimana keadaan yang berlaku terhadap pedagang Islam di India. Oleh itu, kedatangan Lopes de Sequeira bersama 18 buah kapal angkatan diraja Portugal dari Goa ke Melaka tidak disenangi kerana mereka telah mengganggu wanita tempatan dan mencuri sehingga menyebabkan berlaku perselisihan faham serta dihalau dari Melaka. Mereka yang telah ditawan adalah Rui De Araujo bersama sembilan belas orang rakan-rakannya.³²

Pada 10 Ogos 1511 Alfonso de Albuquerque telah datang ke Melaka dengan armada laut Portugis yang besar dari India dan membuat beberapa permintaan untuk membina markas Portugis di Melaka tetapi permintaannya ditolak oleh Sultan Mahmud Shah. Sultan Mahmud Shah, mengeluarkan perintah untuk menangkap orang-orang Portugis setelah mendengar nasihat daripada para menteri dan pedagang Muslim.³³ Keputusan ini menandakan permulaan hubungan yang tegang di antara Kesultanan Melaka dengan Portugis, yang akhirnya membawa kepada konflik terbuka di antara Melaka dengan Portugis. Catatan Tome Pires mengenai perbualan di antara Sultan dengan para menterinya memberi gambaran jelas tentang kebimbangan dan kewaspadaan pihak istana Melaka terhadap kumpulan Kristian ini yang mungkin menggugat kedudukan Islam sebagai agama utama di Melaka.

*You do not understand the case of these men. They come to spy out the land so that they can come afterwards with an armada, as I know and you know that they go about conquering the world and destroying and blotting out the name of our Holy Prophet. Let them all die, and if any other people come here afterwards, we will destroy them on the sea and on the land. We have more people, junks, gold in our power than anyone else. Portugal is far away. Let them all be killed.*³⁴

Dalam petikan ini, sultan menuduh orang Portugis datang bukan sekadar untuk berdagang, tetapi sebagai perisik yang bertujuan mengenal pasti kelemahan Melaka sebelum membawa armada untuk menakluk dan menghancurkan Islam. Baginda menegaskan bahawa orang Portugis terkenal dengan penaklukan mereka di serata dunia dan berniat untuk menghapuskan ajaran Islam. Oleh itu, baginda menyeru agar semua orang Portugis dibunuh. Petikan ini juga mencerminkan keyakinan terhadap

²⁹ Pintado, *Portuguese Documents on Malacca*, 85 dan 118.

³⁰ Pintado, *Portuguese Documents on Malacca*, 117

³¹ Frederic Charles Danvers, *The Portuguese in India*, Vol. 1 (W. H. Allen & Co., 1894), 180.

³² Arba'iyah Mohd Noor, "Sultan Mahmud Syah, 1481-1510 & 1511-1528," dalam *Kesultanan Melayu Melaka 1262-1528: Penelitian Semula* (Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia [IKSEP], 2018), 177-178.

³³ Orang Portugis yang bernama Rui de Araujo telah ditangkap dan dipenjarakan bersama lebih kurang lapan belas orang sahabatnya. T. F. Earle dan John Villiers, *Albuquerque: Caesar of the East, Selected Texts by Afonso de Albuquerque and His Son* (Liverpool University Press, 1990), 286.

³⁴ Pires, *The Suma Oriental*, 256.

kekuatan Melaka, dengan merujuk kepada kelebihan mereka dari segi jumlah penduduk, kapal, serta kekayaan emas yang dimiliki. Selain itu, disebutkan bahawa Portugal terletak jauh, memberi gambaran bahawa Melaka masih mempunyai keupayaan untuk mempertahankan diri daripada ancaman luar. Kebimbangan sultan dan para menteri terhadap kedatangan Portugis ternyata berasas. Selepas 10 hari mengepung, pihak Portugis berjaya menawan kota Melaka pada 24 Ogos 1511.

Usaha Penyebaran Ajaran Kristian

Tindakan Keras Terhadap Komuniti Islam

Alfonso de Albuquerque bersikap keras untuk menyerang Melaka, membuktikan niat sebenar Portugis bukan sekadar untuk berdagang. Semasa serangan tersebut, ucapan Albuquerque kepada para kapten, orang bangsawan dan pegawai Portugis mendedahkan motif di sebaliknya penaklukan ini. Albuquerque berkata: *“The first is the great service which we shall perform to Our Lord in casting the Moors out of this country, and quenching the fire of this sect of Mafamede so that it may never burst out again hereafter.”*³⁵

Beliau secara terbuka menunjukkan kebenciannya terhadap Islam, menggambarkan serangan ke atas Melaka sebagai misi suci untuk memperjuangkan agama Kristian, dan menekankan kehormatan yang akan diperoleh dalam memerangi “musuh-musuh” agama mereka. Harapannya agar dapat menghalau orang Islam dari negeri Melaka dan menghalang pengaruh Islam terus berkembang dalam kalangan pedagang di Melaka. Serangan Portugis secara besar-besaran telah membawa pengunduran Sultan Mahmud bersama keluarga serta para pengikutnya ke Bertam, Batu Hampar, hulu Muar dan membina kota bagi penempatan serta pertahanan baru mereka di Pagoh.³⁶

Setelah berjaya menawan Melaka, Albuquerque mengambil pendekatan yang berbeza terhadap pelbagai kumpulan penduduk. Bagi mengekalkan aktiviti perdagangan yang merupakan salah satu tujuan utama penaklukan Melaka, beliau memberikan pas keselamatan kepada para pedagang. Langkah ini bertujuan untuk memastikan kesinambungan perniagaan di pelabuhan yang strategik ini. Namun, nasib komuniti Muslim di Melaka jauh berbeza. Mereka menghadapi zaman yang amat mencabar di bawah pemerintahan Portugis. Albuquerque memberi arahan untuk membunuh semua orang Islam termasuk wanita dan kanak-kanak yang dijumpai tanpa belas kasihan.³⁷

Selepas menawan Melaka, Portugis membina benteng pertahanan dengan menggunakan bahan-bahan binaan yang diperoleh daripada makam sultan dan masjid-masjid tempatan.³⁸ Tindakan ini bukan sekadar untuk mendapatkan bahan binaan, tetapi ia membawa makna yang lebih mendalam. Dengan merobohkan makam sultan, mereka seolah-olah cuba menghapuskan sejarah dan kewibawaan pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka. Manakala penggunaan bahan-bahan daripada masjid pula boleh ditafsirkan sebagai cubaan untuk melemahkan kedudukan Islam di kota tersebut. Oleh itu, boleh dikatakan bahawa detik Portugis menakluki Melaka juga menandakan permulaan usaha sistematik untuk menghapuskan warisan dan kesan-kesan peninggalan Islam di Melaka. Tindakan ini bukan sahaja mengubah landskap fizikal Melaka, tetapi juga cuba mengubah identiti budaya dan agama Islam yang telah lama terbentuk di situ.

Alfonso de Albuquerque mula memperkasakan gerakan Kristianisasi dengan memihak kepada semua orang yang ingin dibaptis dan memeluk agama Kristian. Antara yang telah dibaptiskan adalah pedagang, petani, penduduk asal dan orang asing sehingga dikatakan agama Kristian telah berkembang pesat di Ujongtana (Johor), Semenanjung Emas dan kepulauan selatan.³⁹

Pembinaan Gereja dan Tempat Pertapaan

Setelah menawan Melaka, Albuquerque segera mendirikan gereja pertama Portugis di sana, iaitu “Nossa Senhora da Annunciada”, berhampiran A Famosa yang turut dibina pada masa yang sama.⁴⁰ Gereja ini kemudiannya berkembang menjadi Katedral Melaka, dikenali sebagai Cathedral of Our Lady

³⁵ Birch, *The Commentaries*, 116.

³⁶ A. Samad Ahmad, *Sulalatus Salatin-Sejarah Melayu* (Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996), 264, 270-271.

³⁷ Birch, *The Commentaries*, 127; Earle dan Villiers, *Albuquerque: Caesar of the East*, 89.

³⁸ Birch, *The Commentaries*, 180; Pires, *The Suma Oriental*, 281; J. V. Mills (penterjemah), *Eredia's Description of Malacca, Meridional India, and Cathay* (Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, 1997), 17.

³⁹ Mills, *Eredia's Description of Malacca*, 54.

⁴⁰ Birch, *The Commentaries*, 137.

of Assumption dan terletak di kaki bukit.⁴¹ Gereja kedua pula ialah Gereja Confraternity of Mercy, juga dikenali sebagai Gereja Our Lady of the Visitation, yang dibina serentak dengan pembinaan kubu pertahanan Portugis.⁴² Gereja ketiga, Nossa Senhora da Monte atau Our Lady of the Mount, terletak di puncak bukit dan dibina pada tahun 1521 oleh Duarte Coelho. Gereja di atas Bukit St.Paul (St.Paulus) ini digunakan ketika hari pesta sahaja kerana kedudukannya yang tinggi. Gereja ini didirikan sebagai tanda kesyukuran kepada Bonda Maria setelah Coelho terselamat daripada pertempuran di Kanton,⁴³ dan kemudiannya diserahkan kepada St. Francis Xavier dan Persatuan Jesus.⁴⁴

Sebelum ketibaan St. Francis Xavier ke Melaka, terdapat hanya tiga buah gereja utama ini sahaja di kota tersebut. Namun, selepas kedatangan St. Francis Xavier, institusi keagamaan Kristian di Melaka berkembang pesat. Menurut catatan Eredia, antara infrastruktur keagamaan Kristian ketika itu termasuk 4 buah *religious convent* (biara agama), 8 buah *parishes* (paroki), 14 buah gereja, beberapa buah *Hermitages* (tempat pertapaan) dan *Oratories* (pemidato). Empat buah tempat pertapaan bagi penganut Kristian yang dibina di Melaka adalah St. Guilhelmo (terletak setengah batu dari bandar), St. Jeronimo (satu bandar dari bandar), Nossa Signo da Victoria dan St. Juan Baptista (di selatan bandar).⁴⁵ Selain itu, terdapat juga gereja yang dijadikan hospital seperti The Church of S. Domingos in the Convent of Dominicans dan The Church of S. Antonio in the Convent of S. Augustino.

Pembinaan gereja dan tempat pertapaan ini bukan sahaja melambangkan permulaan penjajahan Portugis di Melaka, tetapi juga menandakan bermulanya pengukuhan agama Kristian di Melaka yang sebelum ini didominasi oleh masyarakat Islam. Selain itu, komitmen Albuquerque terhadap penyebaran agama Kristian di Melaka terbukti melalui permintaannya kepada raja Portugis. Beliau memohon agar gereja di Melaka dilengkapi dengan kemewahan, selain meminta raja menghantar sebuah altar yang mewah, satu set pakaian upacara untuk misa yang “layak untuk Melaka” serta sebuah organ (alat muzik).⁴⁶ Dengan peningkatan bilangan gereja di Melaka ketika ini secara tidak langsung bilangan penganut Kristian dikatakan telah mencapai 7,400 orang.⁴⁷

Galakan Perkahwinan Campur dengan Wanita Tempatan

Untuk menangani isu kekurangan tenaga kerja dan pada masa yang sama memperluas pengaruh agama Kristian, Albuquerque telah mengambil langkah yang unik untuk memenuhi arahan Raja Portugal. Beliau menggalakkan askar-askar Portugis untuk berkahwin dengan wanita tempatan di Melaka supaya zuriat mereka bertambah.⁴⁸ Melalui perkahwinan, diharapkan agama Kristian dapat disebarkan kepada wanita tempatan dan keluarga mereka.⁴⁹ Langkah Albuquerque ini tidak semestinya terhad kepada wanita Islam sahaja. Sebaliknya, ia adalah strategi umum untuk memastikan kehadiran berterusan tenaga Portugis di Melaka dan menyebarkan agama Kristian. Idea perkahwinan campuran ini mendapat sokongan penuh daripada istana Portugis dan askar yang berkahwin diberi status “orang bebas” serta dikecualikan daripada membayar cukai.⁵⁰

Selain itu, Albuquerque menawarkan dusun kepada lelaki Portugis yang menjadi *casados* dan menghadiahkan emas kepada wanita yang berkahwin dengan lelaki Portugis.⁵¹ Galakan daripada kerajaan Portugis dan Albuquerque membawa kepada peningkatan perkahwinan campur di Melaka. Lelaki Portugis yang berkahwin dengan wanita tempatan dikenali sebagai “*casados*”, manakala

⁴¹ F. J. Moorhead, *A History of Malaya and Her Neighbour*, Vol. 1 (Longmans, Green And Co LTD, 1957), 183; R. Cardon dan L. Elkins, “The Old Church on The Malacca Hill,” *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* 20, no. 1 (1947): 188.

⁴² R. Cardon, “Portuguese Malacca,” *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* 12, no. 2 (1934): 18.; Mills, *Eredia's Description of Malacca*, 18.

⁴³ Cardon dan Elkins, “The Old Church on The Malacca Hill,” 189; Moorhead, *A History of Malaya*, 186-187.

⁴⁴ Cardon, “Portuguese Malacca,” 20.

⁴⁵ The Church of S. Domingos di Convent of Dominicans dan The Church of S. Antonio di Convent of S. Augustino juga berfungsi sebagai hospital *chapel*. Selain itu terdapat lebih 10 buah gereja atau *chapel* lain yang dibina di pelbagai tempat di Melaka. Mills, *Eredia's Description of Malacca*, 18-20; P. A. Leupe dan Mac Hacobian, “The Siege and Capture of Malacca from the Portuguese in 1640-1641,” *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* 14, no. 1 (1936): 92-93.

⁴⁶ Earle dan Villiers, *Albuquerque: Caesar of the East*, 131.

⁴⁷ Mills, *Eredia's Description of Malacca*, 20-21.

⁴⁸ Earle dan Villiers, *Albuquerque: Caesar of the East*, 20.

⁴⁹ Earle dan Villiers, *Albuquerque: Caesar of the East*, 20.; Colin Jack-Hinton, “Malacca and Goa and the Question of Race Relations in the Portuguese Overseas Provinces,” *Journal of Southeast Asian History* 10, no. 3 (1969): 522.

⁵⁰ Razaleigh Muhamat Kawangit, “Social Integration of Kristang People in Malaysia,” *Global Journal of Human-Social Science* 14, no. 1 (2014): 46.

⁵¹ *Casados* merupakan istilah dalam bahasa Portugis yang menggambarkan individu yang telah membina kehidupan berkeluarga. Istilah ini digunakan untuk menerangkan warga Portugis yang telah berkahwin dan menetap secara kekal di kawasan jajahan Portugis. Peter Borshberg, *The Singapore and Melaka Strait* (NUS Press, 2010), 335.

keturunan hasil perkahwinan ini dipanggil “*mestizo*”.⁵² Salah satu contoh *mestizo* ialah Manuel Godinho de Eredia. Bapa Eredia, Juan de Eredia, telah berkahwin dengan seorang puteri Bugis yang bernama Dona Elena Vessiva pada tahun 1545.⁵³ Perkahwinan campur ini secara langsung telah menarik wanita tempatan dan keluarga mereka untuk menerima dan menganut ajaran Kristian ketika itu. Namun, menurut Macgregor, pada 1525 terdapat 38 orang *casados* menetap di Melaka dan bilangannya meningkat secara perlahan-lahan. Pada tahun 1626, hanya 114 orang *casados* sahaja menetap di Melaka dan semasa pengepungan Melaka pada tahun 1629, terdapat hanya kira-kira 120 askar *casados* sahaja. Ini menunjukkan betapa kecilnya komuniti Portugis di Melaka, malah sepanjang tempoh penjajahan, jumlah orang Portugis di Melaka jarang melebihi 600 orang.⁵⁴

Bilangan *casados* seramai 82 orang selama 104 tahun (1525-1629) menunjukkan usaha Portugis untuk menggalakkan perkahwinan campur tidak berapa berkesan sepanjang mereka berada di Melaka.⁵⁵ Hal ini menunjukkan juga bahawa masyarakat Islam ketika itu masih berpegang teguh kepada ajaran Islam dan tidak mudah dikristiankan walaupun Portugis berada selama 130 tahun di Melaka (1511-1641).

Peranan St. Francis Xavier

Kedatangan Francis Xavier, seorang pendakwah Katolik yang terkenal ke Melaka membawa perubahan yang ketara dalam usaha penyebaran agama Kristian di Kota Melaka. Hubungan St. Francis Xavier dengan Melaka amat istimewa kerana beliau sentiasa menggunakan Melaka sebagai tempat persinggahan strategik dalam misi-misi pendakwahannya yang lebih jauh. Beliau ingin di Melaka semasa perjalanan ke Kepulauan Maluku (1545-1547), misi ke Jepun (1550-1552) dan misi ke China (1552).⁵⁶ St. Francis Xavier tiba di Melaka pada September 1545⁵⁷ dan menjalankan tugasnya di Melaka dengan penuh dedikasi dan bersungguh-sungguh. Seperti yang dicatat oleh R. Cardon, jadual beliau amat padat kerana pada setiap hari Ahad, beliau menyampaikan khutbah kepada penduduk tempatan. Setiap hari, beliau meluangkan sekurang-kurangnya satu jam, kadangkala lebih, untuk mengajar kanak-kanak tentang doa-doa asas dalam agama Kristian.

Di samping itu, beliau menjadikan hospital sebagai tempat tinggalnya, di mana beliau mendengar pengakuan dosa daripada pesakit, mengadakan misa, dan memberikan komuni suci kepada mereka.⁵⁸ Komuni merupakan upacara yang bertujuan untuk memperingati pengorbanan Jesus. Ia merupakan simbol keimanan Kristian. Selain itu, upacara ini menggalakkan persekutuan antara umat beriman dengan Jesus dan sesama mereka. Dalam upacara ini, roti dan wain melambangkan tubuh dan darah Jesus. Umat yang mengambil bahagian dianggap “memakan” simbol-simbol ini melalui iman mereka dan dengan kuasa Holy Ghost.⁵⁹ Menurut beliau, begitu ramai yang datang untuk membuat pengakuan sehingga beliau tidak mampu melayan semuanya. Satu cabaran besar yang dihadapi oleh St. Francis Xavier ialah halangan bahasa. Untuk mengatasi masalah ini, beliau menghabiskan banyak masa menterjemahkan *Cateshism* daripada bahasa Latin ke bahasa yang boleh difahami oleh orang Melayu. Usaha ini amat penting kerana ketidakfahaman terhadap bahasa tempatan merupakan halangan besar dalam usaha dakwahnya.⁶⁰

Semasa di Melaka, St. Francis Xavier sering menggunakan sebuah kapel (*chapel*) kecil (gereja kecil) di atas bukit untuk berkhotbah. Kapel ini bukan sahaja menjadi tempat beliau menyampaikan ajaran Kristian, tetapi juga tempat beliau berehat pada waktu malam.⁶¹ Pada masa yang sama, St. Francis Xavier juga turut membaptis Raja Pulau Maluku dan Raja Ternate selain beberapa orang raja daripada kerajaan berdekatan. Usaha beliau diteruskan oleh Father Vicente Viegas, yang merupakan pentadbir di Melaka untuk melawat dan membaptis raja di kepulauan rempah seperti di Machoquidue (Bacukiki), Suppa dan beberapa raja daerah lain di Makasar selain mendirikan gereja dan tempat pertapaan di sana

⁵² Earle dan Villiers, *Albuquerque: Caesar of the East*, 20.

⁵³ Mills, *Eredia's Description of Malacca*, 1.

⁵⁴ Macgregor, “Notes on the Portuguese in Malaya,” 6 dan 11-12. R. O. Winstedt, “A History of Johore (1365-1895),” *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* 10, no. 3 (1932): 35.

⁵⁵ Macgregor, “Notes on the Portuguese in Malaya,” 12.

⁵⁶ Moorhead, *A History of Malaya*, 192.

⁵⁷ Cardon, *Catholicism in the East*, 4.

⁵⁸ Cardon, *Catholicism in the East*, 4.

⁵⁹ Alyssa Roat, “What Is Communion and Why Is It Celebrated Differently?,” *Bible Study Tools*, diakses pada 21 Julai 2024, <https://biblestudytools.com/bible-study/topical-studies/what-is-communion-and-why-is-it-celebrated-differently.html>.

⁶⁰ Cardon, *Catholicism in the East*, 4.

⁶¹ Moorhead, *A History of Malaya*, 192.

pada Februari 1545. Hubungan keagamaan ini menyebabkan berlakunya perdagangan rempah, wangi-wangian dan keperluan lain seperti beras antara Machoquidue di Makasar dengan Portugis di Melaka.⁶² Pada 24 Jun 1549, St. Francis Xavier menaiki sebuah kapal layar China dari Melaka menuju ke Jepun. Sehingga tahun 1551, beliau tidak lagi muncul di Melaka. Pada awal April tahun berikutnya, Francis Xavier dari Kagoshima membawa berita baik tentang pengkristianan. Kapten Melaka, Pero da Silva da Gama, mengadakan sambutan besar-besaran untuk merayakannya. Orang ramai menyertai perarakan, menyampaikan penghargaan kepada Our Lady of the Mount di puncak bukit. Vicar General Joao Soares mengetuai upacara misa agung, dan rakyat mengadakan perayaan besar untuk memperingati St. Francis Xavier yang menyumbang besar dalam aktiviti pengkristianan. Francis Xavier menghantar empat orang Jepun ke Melaka untuk dibaptis, dan Pero da Silva menjadi Godfather mereka.⁶³ Penghantaran orang Jepun ke Melaka untuk memeluk agama Kristian, menunjukkan pengiktirafan beliau terhadap Melaka sebagai pusat penyebaran agama Kristian. Ini kerana Melaka mempunyai komuniti Kristian yang aktif dan institusi gereja yang mampu menyediakan pendidikan dan sokongan kepada penganut baru. Selain itu, Melaka terletak di persimpangan laluan perdagangan Timur dan Barat, menjadikannya tempat yang strategik untuk penyebaran agama dan budaya Kristian.

Misi Pengkristianan Terhadap Pemimpin Tempatan

Pengaruh penyebaran agama Kristian oleh Portugis di Melaka ternyata meresap hingga ke peringkat pemimpin. Ini kerana Portugis menganggap sekiranya pemimpin memeluk agama Kristian, penduduk tempatan juga akan mengikut agama pemimpin mereka. Salah satu contoh yang ketara berlaku pada tahun 1564, apabila seorang Bendahara, yang dipercayai merupakan cucu kepada Nina Chatu, mengambil keputusan untuk memeluk agama Kristian. Sebagai bukti komitmen terhadap kepercayaan barunya, Bendahara tersebut mengambil langkah yang luar biasa dengan menyerahkan tanggungjawab pendidikan anak lelakinya kepada Kolej Jesuit.⁶⁴

Seorang lagi Bendahara terkenal yang memeluk agama Kristian ialah Dom Henrique, seorang Muslim yang nama asalnya ialah Cachil Labuzaza. Beliau dipercayai telah memeluk agama Kristian antara tahun 1563 dan 1568.⁶⁵ Tindakan ini menunjukkan kejayaan misi Portugis dalam mempengaruhi golongan elit tempatan. Penukaran agama oleh pegawai-pegawai tinggi ini dipercayai boleh membantu usaha penyebaran agama Kristian oleh Portugis. Mereka bukan sahaja menjadi contoh kepada penduduk tempatan, tetapi juga boleh menggunakan pengaruh sosial mereka untuk memperluas pengaruh Kristian di Melaka dan kerajaan lain. Menurut de Eredia, Kampung Keling yang diuruskan oleh Bendahara mempunyai sebuah gereja bernama St. Thomas. Kampung ini bersama Kampung China, mencatatkan kira-kira 2,500 orang Kristian,⁶⁶ dan secara tidak langsung menunjukkan terdapat usaha penyebaran Kristian dalam kalangan penduduk dengan sokongan pegawai-pegawai tempatan sehingga terbinanya gereja tersebut. Kampung China yang terletak di sepanjang Sungai Melaka menjadi kawasan penempatan masyarakat Cina yang berasal dari Zhangzhou, Fujian, China. Kampung Keling pula didiami oleh masyarakat India.⁶⁷ Kejayaan penyebaran agama Kristian di Kampung China dan Kampung Keling membuktikan bahawa agama ini pada waktu itu tidak hanya dianuti oleh orang Melayu tetapi turut melibatkan masyarakat Cina dan India.

Kawal Selia Aktiviti Keagamaan

Sepanjang keberadaan Portugis di Melaka, amalan beragama diatur dengan sistematik dan terperinci. Pusat pentadbiran agama Katolik di Melaka berpusat di Katedral *Our Lady of Assumption*, yang memainkan peranan penting dalam mengawal selia aktiviti keagamaan di seluruh kota. Katedral ini menjadi tempat utama bagi pelaksanaan sakramen-sakramen penting seperti *the Christening, the Confirmation, the Eucharist or Communion, the Penance, the Unction* dan perkahwinan. Semua upacara tersebut dijalankan dengan ketat mengikut peraturan dan *Concilium of Trent (Council of Trent)*. Selain itu, paderi-paderi lain di gereja-gereja kecil tidak dibenarkan menjalankan upacara-upacara ini tanpa kebenaran khas daripada uskup. Ini menunjukkan tahap kawalan yang tinggi dalam hierarki gereja. Dari segi infrastruktur, gereja-gereja di Melaka dilengkapi dengan elemen-elemen yang

⁶² Raja Lapituo, Raja Pasapio, Raja Lynta serta ahli keluarga mereka turut dibaptiskan ketika itu. Mills, *Eredia's Description of Malacca*, 54-55.

⁶³ Cardon, *Catholicism in the East*, 7.

⁶⁴ Pinto, *The Portuguese and the Straits of Melaka*, 205.

⁶⁵ Dom Henrique menggantikan jawatan Bendahara Dom Joao (anak lelaki kepada Bendahara yang memeluk Kristian pada tahun 1564) yang meninggal dunia semasa pengepungan Aceh pada tahun 1573. Pinto, *The Portuguese and the Straits of Melaka*, 205-206.

⁶⁶ Mills, *Eredia's Description of Malacca*, 19.

⁶⁷ Cardon, "Portuguese Malacca," 9.

mencerminkan tradisi gereja Roman. Loceng dan organ menjadi ciri umum di setiap gereja, biara dan kapel.⁶⁸ Struktur pentadbiran agama yang teratur ini bukan sahaja bertujuan untuk menjaga kesucian gereja, tetapi juga untuk memastikan perkembangan rohani yang konsisten dalam kalangan penganut. Kawalan yang ketat ini mencerminkan hasrat pihak Portugis untuk memastikan ajaran Katolik disebarkan dan diamalkan dengan betul di tanah jajahan mereka.

Tahun 1558 menandakan satu peristiwa penting dalam sejarah Kristian di Melaka apabila ia diisytiharkan sebagai pusat keuskupan. Peningkatan status ini mencerminkan kepentingan strategik Melaka dalam misi penyebaran agama Katolik di rantau Asia Tenggara. Kakitangan gereja di katedral utama menerima gaji daripada perbendaharaan negara. Ini menunjukkan komitmen kerajaan dalam memastikan kelicinan pentadbiran gereja. Selain itu, para mubaligh menerima bantuan kewangan daripada kerajaan.⁶⁹

Mempergiat Pendidikan Agama Kristian

Portugis juga mempergiatkan ajaran Kristian di Melaka melalui pendidikan. Pada September 1545, St Francis Xavier memulakan lawatan pertamanya ke Melaka semasa perjalanan ke Kepulauan Maluku, dan menginap selama tiga bulan di situ. Kehadirannya beberapa kali ke Melaka dan sumbangannya dalam aktiviti di kapel kecil itu telah meninggalkan kesan yang mendalam terhadap perkembangan kristianisasi di kota tersebut sehingga menjadikan Melaka sebagai tapak penting dalam usaha pendakwah Kristian di Asia. Didorong oleh permintaan dan keperluan penduduk tempatan, Francis Xavier mula merancang pembinaan sekolah Jesuit di dalam kubu, yang bakal menjadi institusi pendidikan pertama yang menawarkan pendidikan sistematik kepada masyarakat tempatan.⁷⁰

Pada tahun 1548, usaha pendidikan Kristian di Melaka mencapai tahap baru apabila St. Francis Xavier mengutus Paderi Francisco Peres dan Roque de Oliveira untuk menubuhkan sebuah sekolah di Melaka.⁷¹ Kedua-dua paderi ini tiba pada 28 Mei 1548.⁷² Paderi Oliveira mengambil inisiatif untuk menarik minat penduduk tempatan. Beliau mengelilingi bandar dan kawasan sekitarnya sambil membunyikan loceng kecil, menjemput orang ramai untuk menghantar kanak-kanak, orang gaji serta hamba mereka ke sekolah baharu ini untuk belajar. Beliau menekankan bahawa pendidikan agama dan akademik akan diberikan secara percuma. Usaha ini membuahkan hasil apabila 180 orang kanak-kanak mendaftar dalam masa beberapa hari sahaja.⁷³

Sekolah tersebut dinamakan sebagai Kolej St. Paul.⁷⁴ Pada awalnya, sekolah tersebut terletak bersebelahan dengan hospital di kaki bukit. Namun, disebabkan lokasi ini dianggap tidak sesuai kerana terlalu dekat dengan Misericordia, penduduk setempat membuat keputusan untuk memindahkannya. Lokasi baharu yang dipilih adalah di puncak bukit, berhampiran dengan sebuah kapel kecil.⁷⁵ Dalam karya de Eredia, terdapat pernyataan tentang gereja dan kolej di puncak bukit iaitu “the Church of Our Lady of the Annunciation in the College of the Company of Jesus at the top of the hill”.⁷⁶ Atas inisiatif Francis Xavier, sebuah sekolah yang dikenali sebagai Kolej St. Paul kemudiannya didirikan bersebelahan dengan kapel di atas Bukit St. Paul bersebelahan Cathedral of Our Lady of Assumption.⁷⁷ Menurut Francis Xavier, jumlah murid di sekolah ini mencecah hampir 200 orang pelajar.⁷⁸ Sebahagian daripada pelajar di sekolah ini adalah penduduk tempatan yang beragama Islam. Ini kerana menurut data yang diberikan oleh Pinto, pada tahun 1580-an, jumlah orang Portugis di Melaka tidak melebihi 100 orang, tetapi sekolah ini telah mencapai hampir 200 orang pelajar pada tahun 1540-an, di mana kemungkinan besar terdapat orang Islam di antaranya. Tambahan pula, Francis Xavier menggunakan bahasa Melayu untuk menyampaikan *Cateshism*, dengan harapan dapat mengajar agama Katolik

⁶⁸ Leupe dan Hacobian, “The Siege and Capture of Malacca,” 93.

⁶⁹ Macgregor, “Notes on the Portuguese in Malaya,” 39.

⁷⁰ Mills, *Eredia's Description of Malacca*, 18; Moorhead, *A History of Malaya*, 215; Cardon dan Elkins, “The Old Church on The Malacca Hill,” 191.

⁷¹ Henry James Coleridge, *The Life and Letters of St. Francis Xavier*, Vol. 2 (Burns and Oates, Portman Street, and Paternoster Row, 1872), 43.

⁷² Cardon, *Catholicism in the East*, 5.

⁷³ Cardon, *Catholicism in the East*, 5-6.

⁷⁴ Cardon dan Elkins, “The Old Church on the Malacca Hill,” 233.

⁷⁵ Cardon, *Catholicism in the East*, 5-6.

⁷⁶ Puncak bukit yang disebutkan ini ialah Bukit St.Paul atau nama asalnya ialah Bukit Melaka. Mills, *Eredia's Description of Malacca*, 18.

⁷⁷ Mills, *Eredia's Description of Malacca*, 18; Moorhead, *A History of Malaya*, 215; Cardon dan Elkins, “The Old Church on the Malacca Hill,” 191.

⁷⁸ Coleridge, *The Life and Letter of St. Francis Xavier*, 43.

Misi Penyebaran Agama Kristian terhadap Komuniti Islam pada Era Penjajahan Portugis di Melaka kepada orang Melayu.⁷⁹ Penyebaran agama Kristian dalam bahasa Melayu menunjukkan Francis Xavier tekad untuk menyebarkan agama Kristian dalam kalangan masyarakat Melayu.

Sistem pembelajaran di Kolej St. Paul tersusun rapi. Pelajar berkumpul di sekolah pada waktu pagi dan petang. Paderi Peres bertanggungjawab menyampaikan ajaran atau doktrin Kristian yang diulang setiap hari untuk memastikan pemahaman yang mendalam. Selepas itu, para pelajar meneruskan pembelajaran mata pelajaran lain di bawah bimbingan Oliveira.⁸⁰ Bagi mengukuhkan pendidikan agama tersebut, Oliveira menggalakkan para pelajar untuk aktif terlibat dalam aktiviti keagamaan, seperti menyanyikan lagu-lagu suci dan menghadiri upacara pengebumian. Sebagai contoh, apabila seorang Kristian meninggal dunia, anak-anak yang lebih dewasa akan membawa keranda jenazah ke lokasi pengebumian.⁸¹ Melalui kelas agama yang terancang di sekolah dan penyertaan dalam aktiviti agama di luar sekolah, ini membolehkan penyebaran agama Kristian dalam kalangan kanak-kanak tempatan. Sekolah-sekolah Katolik di Melaka mendapat penajaan daripada kerajaan Portugis kerana dianggap ianya menjadi medium untuk misi pengkristianan yang mereka harapkan terutamanya dalam kalangan penduduk tempatan. Secara tidak langsung membuktikan kesedaran pihak Portugis tentang kepentingan pendidikan dalam menyebarkan agama Kristian dan budaya mereka.⁸²

Cabaran dan Kesan Penyebaran Agama Kristian

Walaupun Portugis telah melakukan pelbagai usaha untuk menyebarkan agama Kristian semasa penjajahan mereka di Melaka, namun proses penyebarannya berdepan dengan pelbagai halangan. Halangan utama mereka adalah persaingan di antara agama Kristian dan Islam. Seperti yang dikatakan oleh Tome Pires, Melaka dikelilingi oleh para pengikut Nabi Muhammad yang taat dan dikatakan tidak boleh berkawan atau berbaik dengan orang Portugis.⁸³ Permusuhan tersebut boleh dilihat sejak di Goa lagi. Pada November 1510, Goa telah ditawan oleh Albuquerque. Dalam tempoh hanya empat hari, Albuquerque melancarkan satu kempen keganasan yang melampau menyebabkan kira-kira 6,000 orang Islam telah menjadi mangsa pembunuhan secara beramai-ramai. Apa yang lebih menyayat hati ialah mangsa-mangsa ini melibatkan wanita dan kanak-kanak yang tidak bersalah.⁸⁴ Bagi umat Islam yang taat dan memiliki keimanan yang tinggi, tidak akan mudah untuk menukar agama mereka walaupun dalam suasana genting atau diseksa dengan kejam sekalipun. Mereka juga tidak akan menyertai kumpulan agama Kristian yang sentiasa menindas dan menganiaya saudara mereka malah orang Portugis telah dianggap sebagai musuh mereka.

Menurut Hasanuddin Yusof, pedagang-pedagang Islam dari Tanah Arab dan Hijaz telah menyebarkan berita tentang kekejaman yang dilakukan oleh Portugis di Ormuz dan Goa. Selepas Portugis menakluki Melaka, berita mengenai layanan buruk yang diterima oleh penduduk tempatan juga disampaikan oleh para pedagang dan ulama Islam yang melarikan diri daripada penindasan Portugis. Berita ini telah membangkitkan semangat jihad dalam kalangan pemerintah dan rakyat beragama Islam di Alam Melayu untuk memusuhi Portugis. Keadaan ini menyebabkan kerajaan-kerajaan di rantau ini bersedia untuk menghadapi apa sahaja ancaman daripada Portugis. Sebagai contoh, beberapa kerajaan Islam di Pulau Jawa, seperti Kerajaan Islam Demak, Kerajaan Islam Banten, dan Kerajaan Islam Cirebon mengeratkan hubungan di antara satu sama lain untuk mengusir Portugis keluar dari Kepulauan Melayu.⁸⁵ Oleh itu, dapat dilihat bahawa selepas Portugis menakluki Melaka, pengaruh Islam bukan sahaja tidak berkurangan, malah semakin berkembang dan bersatu dalam perjuangan menentang Portugis yang disifatkan sebagai jihad. Umat Islam di Melaka dan serantau yang dianiaya oleh Portugis pastinya akan mencari perlindungan dalam kerajaan-kerajaan Islam ini, atau menyertai mereka dalam perjuangan menentang Portugis.

Sikap pegawai Portugis juga merupakan salah satu faktor kegagalan penyebaran agama Kristian. Oleh kerana jarak yang jauh antara Portugis dan kerajaan Goa, India dengan Melaka, pegawai Portugis di Melaka mempunyai peluang menggunakan kuasa mereka untuk mencari keuntungan peribadi.⁸⁶

⁷⁹ Pinto, *The Portuguese and the Straits of Melaka*, 184.

⁸⁰ Coleridge, *The Life And Letter of St. Francis Xavier*, 190.

⁸¹ Coleridge, *The Life And Letter of St. Francis Xavier*, 190.

⁸² Macgregor, "Notes on the Portuguese in Malaya," 39.

⁸³ Pires, *The Suma Oriental*, 286.

⁸⁴ M. N. Pearson, *The New Cambridge History of India: The Portuguese in India* (Cambridge University Press, 1987), 71.

⁸⁵ Hasanuddin Yusof, *Rahsia Penaklukan Melaka 1511* (Penerbit Alami Sdn Bhd, 2020), 238-239.

⁸⁶ Macgregor, "Notes on the Portuguese in Malaya," 29.

Masalah rasuah dan penyalahgunaan kuasa oleh pegawai Portugis sentiasa wujud, seperti yang tercatat dalam catatan Belanda. Sebagai contoh, melalui rasuah, gabenor Melaka boleh mendapatkan pendapatan yang setara dengan perkhidmatan selama dua puluh hingga tiga puluh tahun dalam tempoh tiga tahun sahaja.⁸⁷ Berbanding dengan penyebaran agama, pegawai-pegawai ini lebih cenderung kepada rasuah dan penyalahgunaan kuasa, menyebabkan agama Kristian tidak disebarkan dengan berkesan sebelum ketibaan St. Francis Xavier. Pada peringkat awal penaklukan Melaka, Portugis tidak aktif menyebarkan agama Kristian, dan ini mengakibatkan mereka terlepas peluang terbaik.

Kerajaan Portugis di Melaka juga tidak menawarkan insentif yang cukup untuk menggalakkan orang Portugis menetap di sana secara jangka panjang. Ramai pedagang Portugis lebih cenderung bergerak mengikut perubahan angin monsun, berpindah dari satu pelabuhan ke pelabuhan lain untuk menjalankan perniagaan.⁸⁸ Walaupun Albuquerque menunjukkan semangat yang tinggi untuk menyebarkan agama Kristian semasa penaklukan Melaka, realiti pemerintahan Portugis di Melaka jauh berbeza daripada aspirasi awal mereka. Di samping itu, kebanyakan pegawai Portugis yang ditugaskan di Melaka lebih cenderung untuk menyalahgunakan kuasa mereka demi kepentingan dan keuntungan peribadi. Bermula dari Gabenor Portugis yang menguruskan pentadbiran Melaka, hingga kepada Kapten Jeneral yang mengetuai tentera, dan bahkan Ouvidor yang bertanggungjawab dalam hal ehwal kehakiman, hampir semua terlibat dalam amalan rasuah dan penyalahgunaan kuasa. Amalan tersebut berlangsung sepanjang tempoh pemerintahan Portugis dan boleh dilihat dalam catatan pihak Belanda.⁸⁹ Akibatnya, usaha penyebaran agama Kristian di Melaka menghadapi halangan yang besar. Sikap dan tingkah laku pegawai-pegawai Portugis ini bertentangan dengan nilai-nilai Kristian yang sepatutnya menyebarkan dan mengamalkan ajaran yang baik dan terpuji. Keadaan ini menjadi bertambah buruk sehingga menarik perhatian St. Francis Xavier untuk mengkritik tindakan mereka. Menurut beliau, tingkah laku orang Portugis di Melaka amat memalukan. Perasaan kecewa St. Francis Xavier terhadap keadaan Portugis di Melaka begitu mendalam dan ini dapat dilihat sebelum beliau bertolak ke Jepun, beliau telah membersihkan kotoran daripada kasutnya dan bertekad untuk tidak kembali ke Melaka kerana menganggap orang Portugis di Melaka tidak lagi beriman.⁹⁰

Walaupun Portugis memulakan penjajahan mereka dengan semangat Perang Salib yang kuat, realiti di Melaka sering berbeza daripada niat asal mereka. Cabaran seperti kekurangan sumber manusia, halangan bahasa, dan persaingan dengan agama Islam yang kuat dalam diri komuniti Islam telah menghadkan kejayaan misi pengkristianan mereka. Walaupun wujud perkahwinan campur antara masyarakat tempatan dengan orang Portugis bagi menampung kekurangan sumber manusia ini, namun jumlah tersebut tidak seramai mana. Hakikatnya, bilangan orang Portugis di Melaka sentiasa kekal rendah sepanjang tempoh penjajahan mereka walaupun terdapat tenteranya berkahwin dengan wanita tempatan.

Walaupun tempoh penjajahan mereka relatif singkat berbanding penjajah seterusnya, kehadiran Portugis telah meninggalkan warisan yang kekal, termasuk kewujudan komuniti Kristang yang masih wujud hingga ke hari ini. Kesan daripada perkahwinan campur ini masih dapat dilihat pada hari ini. Keturunan Portugis telah menjadi sebahagian daripada masyarakat majmuk di Malaysia, dikenali sebagai komuniti Kristang atau Serani. Mereka masih mengekalkan banyak adat resam Kristian dan menjadi bukti hidup tentang kesan jangka panjang dasar penjajahan Portugis walaupun mereka adalah kaum minoriti di Melaka ketika ini. Perkahwinan campur hari ini dalam kalangan Kristang lebih banyak melibatkan kaum Cina dan India. Hal ini dikatakan demikian kerana mengikut undang-undang, perkahwinan tersebut memerlukan pertukaran agama sekiranya melibatkan kaum Melayu, iaitu perlu memeluk agama Islam. Namun kebanyakan Kristang tidak ingin melepaskan agama, kepercayaan dan adat resam yang mereka warisi sehingga hari ini.⁹¹

Kesimpulan

Kajian ini menunjukkan bahawa pendudukan Portugis di Melaka bukan sahaja merupakan strategi penjajahan dari segi politik dan ekonomi, tetapi juga usaha untuk mengembangkan agama Kristian.

⁸⁷ Leupe dan Hacobian, "The Siege and Capture of Malacca," 95.

⁸⁸ Leupe dan Hacobian, "The Siege and Capture of Malacca," 95.

⁸⁹ Leupe dan Hacobian, "The Siege and Capture of Malacca," 95-96.

⁹⁰ Sar Desai, "The Portuguese Administration in Malacca," 501.

⁹¹ Kawangit, "Social Integration of Kristang People," 46.

Semasa serangan ke atas Melaka, tentera Portugis telah menunjukkan tekad dan usaha untuk menghapuskan Islam di kawasan tersebut dengan membunuh orang Islam dengan kejam serta menghapuskan warisan dan tinggalan Islam. Selepas menawan Melaka, Albuquerque berusaha membina gereja di kaki bukit, yang bukan sahaja melambangkan kejatuhan Melaka ke tangan Portugis, tetapi usaha tersebut juga menandakan permulaan penyebaran agama Kristian di Melaka.

Di samping itu, Portugis menjalankan pelbagai usaha lain untuk menarik penduduk tempatan memeluk agama Kristian. Salah satu dasar yang dianggap berkesan ialah melalui perkahwinan campur di antara askar Portugis dengan wanita tempatan. Namun ternyata, dasar tersebut tidak berkesan sepenuhnya. Pada masa yang sama Portugis juga telah mempengaruhi pemimpin tempatan untuk memeluk agama Kristian, yang dirasakan akan dapat membantu dalam penyebaran agama Kristian dalam kalangan penduduk tempatan. Selain itu, peranan St. Francis Xavier, kawal selia aktiviti keagamaan dan usaha mempromosikan pendidikan agama Kristian, turut menjadi antara usaha lain yang dilakukan dalam misi penyebaran agama Kristian.

Kajian ini juga mendedahkan bahawa bagi pegawai-pegawai Portugis, menggunakan kedudukan mereka untuk kepentingan peribadi lebih menarik daripada menyebarkan agama Kristian. Tingkah laku mereka sering bercanggah dengan nilai-nilai Kristian yang cuba disebar. Rasuah dan penyalahgunaan kuasa dalam kalangan pentadbir Portugis telah mencemarkan imej agama Kristian dan menghalang kejayaan misi pengkristianan mereka.

Kesimpulannya, perkembangan agama Kristian di Melaka pada zaman Portugis merupakan proses yang kompleks, dipengaruhi oleh pelbagai faktor dalaman dan luaran. Ia mencerminkan hubungan yang kompleks di antara kuasa penjajah dengan masyarakat tempatan, serta menggambarkan perkaitan rapat antara agama, politik, dan budaya dalam konteks penjajahan.

Justeru, makalah ini memberi pemahaman baru tentang hubungan antara penjajahan Portugis dan penyebaran agama Kristian. Ia juga membuka ruang untuk penyelidikan lanjut tentang kesan jangka panjang penjajahan terhadap identiti agama dan budaya di rantau ini. Akhir sekali, kajian ini menekankan kepentingan memahami sejarah dalam membentuk realiti masa kini, terutama dalam konteks hubungan antara agama dan masyarakat di Malaysia yang berbilang kaum dan agama.

Penghargaan

Kami ingin mengucapkan penghargaan kepada Fakulti Sastera dan Sains Sosial serta Universiti Malaya di atas sokongan terhadap penyelidikan ini. Terima kasih juga kepada pihak Universiti Malaya serta orang perseorangan sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menyempurnakan penyelidikan dan penerbitan artikel ini.

Rujukan

Abu Bakar, Yahaya. "Catatan Mengenai Hubungan Awal Portugis-Melaka." *Jebat* 10 (1980): 226-233.

Abu Bakar, Yahaya. *Sumber-sumber Portugis Mengenai Melaka T. M. 1511-1641*. Minggu Kesenian Melaka, 1986.

Adil, Buyong. *Sejarah Melaka Dalam Zaman Kerajaan Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka, 1973.

Ahmad, A. Samad. *Sulalatus Salatin-Sejarah Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996.

Birch, Walter de Gray. *The Commentaries of the Great Afonso Dalboquerque*. Vol. 3. Cambridge University Press, 2010.

Borshberg, Peter. *The Singapore and Melaka Straits*. NUS Press, 2010.

Cardon, R. *Catholicism in the East*. National University of Singapore, 1937.

- Cardon, R., and L. Elkins. "The Old Church on The Malacca Hill." *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* 20, no. 1 (1947): 188-234.
- Coleridge, Henry James. *The Life and Letters of St. Francis Xavier*. Vol. 2. Burns and Oates, Portman Street, and Paternoster Row, 1872.
- Danvers, Frederic Charles. *The Portuguese in India*. Vol. 1. W. H. Allen & Co., 1894.
- Earle, T. F., and John Villiers. *Albuquerque: Caesar of the East*. Liverpool University Press, 1990.
- Hadi, Amirul. *Respons Islam terhadap Hegemoni Barat*. Balai Kajian Sejarah dan Nilai Tradisional Banda Aceh, 2006.
- Haji Ahmad, Abdul Talib. *Sejarah Penjajah Portugis di Tanah Melayu (1511-1641)*. Sharikat Perniagaan Ra'ayat Berhad, n.d.
- Jack-Hinton, Colin. "Malacca and Goa and the Question of Race Relations in the Portuguese Overseas Provinces." *Journal of Southeast Asian History* 10, no. 3 (1969): 513-539.
- Lado, Versatile Holiday. "Apa Itu Misa dan Perbedaannya dengan Ibadat dalam Agama Katolik?," *Tirtold*, diakses pada 21 Julai 2024, <https://tirto.id/apa-itu-misa-dan-perbedaannya-dengan-ibadat-dalam-agama-katolik-gnvS>.
- Leupe, P. A., and Mac Hacobian. "The Siege and Capture of Malacca." *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* 14, no. 1 (1936): 93-96.
- Macgregor, Ian A. "Notes on the Portuguese in Malaya." *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* 28, no. 2 (1955): 6-39.
- Mills, J. V. (penterjemah), *Eredia's Description of Malacca*. Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, 1930.
- Mohd Noor, Arba'iyah. "Perkembangan Awal Pendidikan Masyarakat pada Zaman Kesultanan Melayu Melaka." *Jurnal Sejarah Melaka* 1 (2022/23): 96-111.
- Mohd Noor, Arba'iyah. "Sultan Mahmud Syah, 1481-1510 & 1511-1528." Dalam Kesultanan Melayu Melaka 1262-1528: Penelitian Semula. ed. Abdullah Zakaria Ghazali et al. Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP), 2018.
- Moorhead, F. J. *A History of Malaya and Her Neighbours*. Vol. 1. Longmans, Green And Co. Ltd., 1957.
- Muhamat Kawangit, Razaleigh. "Social Integration of Kristang People in Malaysia." *Global Journal of Human-Social Science* 14, no. 1 (2014): 45-56.
- Ngadiran, Siti Nor Aisyah dan Denisova, Tatiana A. "Metode Dakyah Kristian di Pulau Pinang pada Abad ke-19: Kajian terhadap Karya-karya Terpilih Thomas Beighton (1790-1844)." *Jurnal Akidah dan Pemikiran Islam (AFKAR)* 22, no. 2 (2020): 43-76.
- Ngadiran, Siti Nor Aisyah dan Denisova, Tatiana A. "Analisa Perumusan Konsep Ketuhanan Menurut Perspektif Thomas Beighton (1790-1844) dalam Karya Inilah Kunci Pengempar (1841)." *Jurnal Akidah dan Pemikiran Islam (AFKAR)* 25, no. 2 (2023): 291-322.
- Ngadiran, Siti Nor Aisyah dan Denisova, Tatiana A. "Pendekatan Thomas Beighton (1790-1844) dalam Penyebaran Agama Kristian di Pulau Pinang dan Kedah (1819-1844)." *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies* 51, no. 1 (2024): 1-20.

Misi Penyebaran Agama Kristian terhadap Komuniti Islam pada Era Penjajahan Portugis di Melaka
Noonan, Laurence A. *The First Jesuit Mission in Malacca: A Study of the Use of the Portuguese Trading Centre as a Base for Christian Missionary Expansion during the Years 1545 to 1552*. Centro de Estudos Históricos Ultramarinos, 1974.

Pearson, M. N. *The New Cambridge History of India: The Portuguese in India*. Cambridge University Press, 1987.

Pintado, M. J. *Portugal's Christian Policy in Its Drive to the East and the Case of Malacca*. Teks syarahan kepada penuntut University of Malayan Historical Society dan khalayak umum di bawah naungan Malacca Historical Society, Melaka, 7 Februari 1957.

Pintado, M. J. *A Stroll Through Ancient Malacca and A Glimpse at Her Historical Sites*. Loh Print Press, 1980.

Pintado, M. J. *Francis Xavier: A Martyr after Death: A Medico-Historical Study on the Corpse of St. Francis Xavier*. University of Michigan, 1980.

Pintado, M. J. (pengumpul, penterjemah dan penganotasi), *Portuguese Documents on Malacca*, Vol. 1, 1509-1511. Arkib Negara Malaysia, 1991.

Pintado, M. J. (pengumpul, penterjemah dan penganotasi), *Portuguese Documents on Malacca*, Vol. 1. Arkib Negara Malaysia, 1993.

Pintado, M. J. *The Voice of the Ruins*. Instituto Cultural de Macau, 1988.

Pinto, P. J. S. *The Portuguese and the Straits of Melaka, 1575–1619: Power, Trade and Diplomacy*. NUS Press, 2012.

Pires, Tome. *The Suma Oriental of Tome Pires: An Account of the East, from the Red Sea to China, Written in Malacca and India in 1512-1515*. Vol. 2. Asian Education Service, 1990.

Roat, Alyssa. "What Is Communion and Why Is It Celebrated Differently?," *Bible Study Tools*, diakses pada 21 Julai 2024, <https://biblestudytools.com/bible-study/topical-studies/what-is-communion-and-why-is-it-celebrated-differently.html>.

Sar Desai, D. R. "The Portuguese Administration in Malacca, 1511-1641." *Journal of Southeast Asian History* 10, no. 3 (1969): 501-512.

Teixeira, Manuel. *The Portuguese Missions in Malacca and Singapore (1511-1958)*. Agencia Geral do Ultramar, 1961.

Wijaya, Daya Negri. "Malacca Beyond European Colonialism (15th – 17th Centuries)." Disertasi PhD, Faculdade de Letras da Universidade do Porto, 2022.

Winstedt, R. O. "A History of Johore (1365-1895)." *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* 10, no. 3 (1932): 1-167.

Yusof, Hasanuddin. *Rahsia Penaklukan Melaka 1511*. Penerbit Alami Sdn Bhd, 2020.

Yusof, Hasanuddin. *Teknologi Kesultanan Melaka*. Penerbit Alami Sdn Bhd, 2017.

Zakaria, Abdul Azizi. *Portugis Dalam Sejarah Melaka*. Dewan Bahasa dan Pustaka, 1963.

